

UPM perkenal aplikasi *Certificate Verifier*

UTUSAN MALAYSIA
28/10/2017
p. 31

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Universiti Putra Malaysia (UPM) telah memperkenalkan satu aplikasi *Certificate Verifier* untuk memastikan ketulenan status dan memberi perlindungan yang kukuh bagi mengelakkan berlakunya kes penipuan dan pemalsuan sijil.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris berkata, aplikasi tersebut merupakan salah satu usaha pihak UPM untuk menjaga kualiti siswazah yang dilindungi oleh ciri keselamatan sedia ada seperti hologram, nombor siri, kertas keselamatan, dakwat keselamatan dan tanda lembayung untuk mengelakkan mana-mana individu menciplak sijil tersebut.

Beliau berkata, melalui aplikasi ini bukan sahaja dapat mengatasi isu ijazah palsu, tetapi turut membantu siswazah memohon pekerjaan secara atas talian dan memudahkan bakal majikan untuk mengesahkan kesahihan sijil mereka.

"Saya memandangkan isu sijil palsu ini adalah satu kegiatan jenayah yang berat, namun selepas adanya aplikasi ini, siswazah boleh memuat turun dan menun-



AINI IDERIS (empat dari kiri) beramah mesra dengan bakal penerima Hadiah Pingat Emas Canselor, Khairudin Akmal Mohamad Kamal (tiga dari kanan) sambil diperhatikan beberapa bakal penerima Hadiah Peringkat Universiti sempena Majlis Konvokesyen UPM Kali Ke-41 di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD NAJIB MOHD NOR

jukkan sahaja sijil mereka kepada bakal majikan sekiranya terdapat pertikaian mengenai sijil tersebut.

"Sijil akademik yang dianugerahkan kepada graduan adalah simbol kepada identiti dan jenama UPM, maka adalah wajar tahap keselamatan sijil akademik dilindungi dan seterusnya tidak mudah dicitlak," katanya kepada *Utusan Malaysia* dekat sini hari

ini dalam sidang akhbar pengu-
muman Majlis Konvokesyen ke-
41 Universiti Putra Malaysia.

UPM akan melangsungkan Ma-
jlis Konvokesyen UPM Ke-41 Ta-
hun 2017 pada 4 November hing-
ga 7 November 2017 di Dewan
Besar, Pusat Kebudayaan dan
Kesenian Sultan Salahuddin Ab-
dul Aziz Shah (PKSSAAS), UPM.

Pada majlis tersebut, UPM

akan menganugerahkan Anugerah
Profesor Emeritus kepada
Prof. Emeritus Datin Dr. Farida
Fatema dari Fakulti Perubatan
dan Sains Kesihatan, Prof. Emeri-
tus Dr. Azimi Hamzah dari Fakulti
Pengajian Pendidikan dan Prof.
Emeritus Dr. Kamariah Abu Bakar
dari Fakulti Pengajian Pendidikan
yang berlangsung pada sesi per-
tama konvokesyen tersebut.